



Pemain Johor, Norafiza Sulaiman (kanan) diasak pemain Selangor, Nor Atira Mohamad Ismail pada perlawanan Kumpulan B di Stadium Hoki Pantai, petang semalam.

HOKI WANITA PIALA RAZAK

Selangor ke separuh akhir

➔ Bakal buat perhitungan menentang KL, ATM pula lawan Pahang

Oleh Naqib Nor Said
naqib@nstp.com.my

✦ **Kuala Lumpur**

Penekanan taktikal menyerang membuahkan hasil buat Selangor apabila mara ke separuh akhir hoki wanita Piala Razak selepas meratah Johor 5-1, dalam aksi terakhir Kumpulan B, di Stadium Hoki Kuala Lumpur, malam tadi.

Pengendali Selangor, Ikmal Abdul Jabbar berkata, dari awal beliau merancang taktikal itu dan hasilnya pemenang tempat ketiga tahun lalu memperoleh dua gol awal dalam tempoh

seminit.

“Dua gol awal itu sangat membantu pemain saya beraksi dengan lebih tenang dan ia secara tak langsung memberi keyakinan kepada mereka menampilkan aksi terbaik setakat ini.

Sudah jangka

“Memang saya menjangkakan kemenangan besar, tetapi lima gol itu adalah satu bonus dan saya berpuas hati dengan persembahan setiap pemain,” katanya selepas perlawanan.

Lima gol Selangor pada aksi terakhir Kumpulan B itu dijarangkan Nurul Safiqah Mat Isa pada minit ke-26, Eilya Fateha Eillias (27), Nor Afira Mohamad

Ismail (34), Raja Norsharina Raja Shabuddin (42) dan Fatin Shafikah Mahd Sukri (55).

Gol sagu hati Johor pula disumbangkan penyerang kebangsaan, Hanis Nadiah Onn pada minit ke-52.

Mengikuti jejak langkah Selangor ke separuh akhir daripada Kumpulan B adalah naib juara musim lalu, ATM yang mengatasi Melaka 1-0, menerusi jaringan Siti Rahmah Othman.

Di separuh akhir Selangor dijadualkan bertemu naib juara Kumpulan A, Kuala Lumpur pada Jumaat ini, manakala satu lagi aksi mempertemukan ATM melawan juara bertahan, Pahang.